

KUTKM sasar 30 peratus graduan kelas pertama menjelang 2010

Archival News | Utusan Malaysia | 26/01/2007

MELAKA 25 Jan. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menyasarkan sebanyak 30 peratus graduan yang dilahirkan kolej universiti itu mencapai kepujian kelas pertama menjelang 2010.

Rektornya, Profesor Datuk Ismail Hassan berkata, setakat ini hanya tiga peratus graduan mencapai tahap kepujian kelas pertama setiap kali konvokesyen.

"Kita telah rancang pelbagai program seperti pembelajaran pintar serta menggunakan khidmat penasihat akademik untuk memastikan sasaran itu dapat dicapai," katanya ketika berucap di majlis Anugerah Sijil Dekan pelajar KUTKM di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini semalam.

Pada majlis itu, sebanyak 634 pelajar KUTKM yang berjaya memperoleh purata nilai gred (GPA) 3.5 pada pemeriksaan semester lalu, menerima Sijil Kejujian Dekan yang disampaikan oleh Dekan Fakulti masing-masing.

Menurut Ismail, melalui program pembelajaran pintar, para pelajar akan diajar mengenai teknik-teknik belajar yang betul.

Tambahnya, setiap pelajar KUTKM juga akan diberi seorang penasihat akademik terdiri daripada kakitangan akademik KUTKM.

"Diharap pelajar akan berbincang dengan penasihat akademik masing-masing jika menghadapi masalah pembelajaran," katanya.

Namun menurutnya, kejayaan seseorang pelajar itu lebih bergantung kepada usaha sendiri.

"Pelajar juga perlu ada kemahuan untuk meningkatkan prestasi sendiri selain mempunyai jadual belajar teratur," katanya.

(Source : Utusan Malaysia)